

 Selasa, Jan 02 2018

BR1M boleh ditambah baik – Bank Dunia

UTUSAN 2/1

KUALA LUMPUR 1 Jan. – Pengagihan program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) boleh ditambah baik pada tahun ini bagi meningkatkan kecukupan pengagihan dan memenuhi keperluan kumpulan sasaran.

Bank Dunia dalam Laporan 'Malaysia Economic Monitor' (MEM) - Kegawatan kepada Transformasi: 20 tahun selepas krisis kewangan Asia' menggariskan keperluan tersebut amat penting supaya usaha kerajaan menangani golongan berpendapatan rendah (B40) menjadi lebih berkesan.

Menurut laporan itu, penekanan kerajaan dalam menyediakan subsidi dan memperkenalkan program bantuan sosial untuk kumpulan sasaran misalnya BR1M merupakan satu langkah ke hadapan dalam menangani kenaikan kos sara hidup terutama bagi B40 di kawasan bandar.

"Buat masa ini, skim bantuan tersebut tidak ada perbezaan antara kawasan yang mempunyai kos tinggi dan kos rendah, termasuk dari segi tahap kelayakan pendapatan atau penerima manfaat.

"Sebagai contoh, ketika ini ibu tunggal dengan lima anak tetap menerima jumlah yang sama dan menerima faedah bagi tahap yang sama sebagai isi rumah dengan dua orang bekerja dan seorang anak.

"Oleh itu, dalam aspek ini,

masih ada skop untuk memperbaiki keadaan bagi meningkatkan kecukupan pengedaran semula BR1M dengan menangani isu yang mendasari isi rumah bandar, baik dari segi kemasukan dalam program ini mahupun nilai yang diselaraskan kepada penerima manfaat.

"Kaedah skim ini juga boleh ditambah baik dengan mengambil kira saiz isi rumah dan komposisi," jelas Bank Dunia dalam laporan berkenaan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Dalam pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tujuh juta penerima BR1M akan terus menikmati pemberian kerajaan dengan kadar maksimum sehingga RM1,200 pada tahun ini.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam sidang Dewan Rakyat November lalu berkata, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk

menaikkan kadar BR1M sekiranya menerima lebih daripada peningkatan harga petroleum ketika ini.

Dalam laporan itu juga, Bank Dunia melihat di sebalik usaha kerajaan melaksanakan beberapa pendekatan bagi menangani penyusutan rumah yang mampu dimiliki dengan meningkatkan pembinaan kos rendah baharu, kadar bekalan boleh dipercepatkan bagi merapatkan jurang permintaan.



KEMAMPUAN kewangan negara membolehkan kerajaan menyalurkan pelbagai program yang memanfaatkan rakyat. - GAMBAR HIASAN